

AN ANALYSIS OF INCOME ZAKAT PAYMENT PRACTICE AMONG THE STAFF OF KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS (KUIPS)

ANALISIS AMALAN BAYARAN ZAKAT PENDAPATAN DALAM KALANGAN KAKITANGAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS (KUIPS)

Nor Musfirah Mohamadi, Azhan Taqiyaddin Arizaniⁱⁱ & Fathullah Asniⁱⁱⁱ

ⁱ Pensyarah, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs). musfirah@kuips.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs). azhan@kuips.edu.my

ⁱⁱⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs). fathullah@kuips.edu.my

Abstract	<p><i>Income zakat is an income property such as salaries and wages. The income zakat initiative considers most of the current community who work for a salary, and the salary is given reasonably according to the standard of employment. In Malaysia, the Islamic religious council is a body that is fully responsible for taking care of zakat affairs, including collecting and distributing zakat proceeds to eligible asnafs. The zakat collection centre will always move forward to provide a more customer-friendly zakat payment channel and be aware that many people have limited time. Among the zakat payment channels are zakat counters for all branches, mobile zakat counters (vans or lorries), salary deduction schemes, banks (counters, internet banking, ATMs) and post office counters. Various alternative channels consist of virtual zakat payment methods (e-zakat pay), debit and credit cards, remittances, post-dated checks, cooperatives, etc. Based on this obligation, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) has also provided various methods to facilitate its staff to pay income zakat. This paper aims to analyse the pattern of income zakat payment practice among KUIPs staff. The research method used is a qualitative study analysed using a document analysis technique approach to achieve the objective. Data collection and analysis is done through secondary data from the human resources division of KUIPs. The results of the study found that KUIPs staff pay income zakat through various channels of choice. Yet in the majority, KUIPs staff pay income zakat through salary deductions. However, the study results found that the number of income zakat payers is still low compared to the total staff of KUIPs which is 14% of the 160 staff in KUIPs. This shortage is believed to be due to various factors such as KUIPs staff paying income zakat in mediums other than salary deductions, lack of information related to salary deduction schemes to KUIPs staff and the level of understanding of staff which is still at a moderate level.</i></p> <p>Keywords: Zakat, Income, KUIPs, al-Mal al-Mustafad, Salary.</p>
Abstrak,	<p><i>Zakat pendapatan adalah harta perolehan seperti gaji dan upah kerja. Inisiatif zakat pendapatan mengambil faktor kepada majoriti masyarakat semasa yang berkerja makan gaji serta gaji tersebut diberikan secara munasabah mengikut taraf sesuatu pekerjaan. Di Malaysia, majlis agama Islam merupakan badan</i></p>

yang bertanggungjawab dalam menjaga hal ehwal zakat termasuk memungut dan membahagikan hasil zakat kepada golongan asnaf. Pusat pungutan zakat akan sentiasa bergerak ke hadapan untuk menyediakan saluran bayaran zakat yang lebih mesra pelanggan. Antara saluran pembayaran zakat adalah melalui kaunter zakat bagi semua cawangan, kaunter zakat bergerak (van atau lori), skim potongan gaji, bank (kaunter, perbankan internet, mesin ATM) serta kaunter pejabat pos. Selain itu, terdapat saluran alternatif yang pelbagai yang terdiri daripada kaedah pembayaran zakat secara maya (e-zakat pay), kad debit dan kad kredit, kiriman wang, cek post-dated, Koperasi Angkasa dan lain-lain. Berdasarkan kewajipan ini, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) juga telah menyediakan pelbagai kaedah untuk memudahkan para kakitangannya untuk membayar zakat pendapatan. Artikel ini bertujuan untuk menganalisa pola amalan pembayaran zakat pendapatan di kalangan kakitangan KUIPs. Bagi mencapai objektif tersebut, metode kajian yang digunapakai adalah kajian kualitatif yang dianalisa dengan menggunakan pendekatan teknik analisis dokumen. Pengumpulan dan analisis data dilakukan melalui data sekunder daripada bahagian sumber manusia KUIPs. Hasil kajian mendapati kakitangan KUIPs membayar zakat pendapatan melalui pelbagai saluran pilihan. Namun secara majoriti, kakitangan KUIPs membayar zakat pendapatan melalui potongan gaji. Walau bagaimanapun, hasil kajian mendapati bahawa jumlah pembayar zakat pendapatan masih rendah berbanding jumlah keseluruhan kakitangan KUIPs yang merupakan 14% daripada 160 orang kakitangan di KUIPs. Kekurangan ini dipercayai disebabkan oleh pelbagai faktor seperti kakitangan KUIPs membayar zakat pendapat pendapatan di medium-medium selain daripada potongan gaji, penyaluran maklumat yang kurang berkaitan skim potongan gaji kepada kakitangan KUIPs dan tahap kefahaman para kakitangan yang masih berada ditahap yang sederhana.

Kata kunci: Zakat, Pendapatan, KUIPs, al-Mal al-Mustafad, Gaji.

PENDAHULUAN

Zakat pendapatan timbul daripada konsep zakat *al-mal al-mustafad* (zakat harta perolehan). Konsep *al-mal al-mustafad* bermaksud mewajibkan zakat terhadap mana-mana harta perolehan dari hasil usaha tanpa sebarang proses transaksi pertukaran jual beli. Secara ringkasnya, ia diperolehi dengan beberapa sebab yang terdiri daripada gaji, upah kerja, elaun, hadiah dan lain-lain. Para fuqaha' telah mewajibkan zakat ke atas hasil pendapatan dan gaji (Rosele et al., 2017).

Ini kerana, pendapatan merupakan harta yang berkembang dan boleh membawa perolehan yang lumayan terutamanya bagi seseorang yang menyandang jawatan profesional atau peringkat tinggi dalam sesebuah organisasi. Pensiariatan dan kewajipan membayar zakat adalah bertujuan untuk membersihkan diri dan menyuburkan harta pembayar zakat berdasarkan firman Allah SWT iaitu:

"Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui" (al-Quran. al-Tawbah: 103).

Selain itu, zakat dapat mewujudkan sifat syukur yang mendalam terhadap nikmat yang diberikan oleh Allah SWT. Segala bentuk kekayaan yang dikurniakan oleh Allah di muka bumi ini tidak boleh dinikmati hanya oleh satu golongan tertentu iaitu golongan kaya sahaja, sebaliknya kekayaan itu perlu beredar dalam kalangan semua komuniti masyarakat (Khalil et al., 2019).

Zakat pendapatan dikeluarkan setelah jumlah pendapatan ditolak perbelanjaan yang dibenarkan iaitu keperluan asas dan sebagainya. Namun terdapat perbezaan yang agak ketara dalam senarai perbelanjaan keperluan asas yang dibenarkan mengikut negeri-negeri di Malaysia. Misalnya, di negeri Kedah hanya menyenaraikan tiga jenis perbelanjaan sahaja iaitu untuk diri, isteri dan anak-anak, sedangkan di negeri Perlis pula menyenaraikan sepuluh item iaitu termasuk juga pemberian kepada ibu bapa, kos perubatan, pendidikan, kediaman, kenderaan, potongan KWSP dan simpanan di Tabung Haji (Eza Ellany Abdul Lateff & Mohd Rizal Palil, 2011).

Sementara di negeri-negeri yang lain berada di pertengahan di mana kebanyakannya enam sehingga tujuh item. Seiring pemodenan zaman, pusat pungutan zakat seluruh negeri di Malaysia sentiasa bergerak ke hadapan untuk menyediakan saluran bayaran zakat yang lebih mesra pelanggan, memudahkan pelanggan mengikut kehendak umum agar tiada lagi alasan untuk tidak menunaikan kewajipan zakat (Muhammad et al., 2017).

Antara saluran pembayaran zakat adalah melalui kaunter zakat bagi semua cawangan, kaunter zakat bergerak (van atau lori), skim potongan gaji, bank (kaunter, perbankan internet, mesin ATM) serta kaunter pejabat pos. Selain itu, saluran alternatif yang pelbagai disediakan melalui kaedah pembayaran zakat secara maya (e-zakat pay), kad debit dan kad kredit, kiriman wang, cek Post-dated, koperasi angkasa dan lain-lain (Rosalinda et al., 2021).

Memandangkan meningkatnya kepentingan zakat tersebut dan pelbagai pilihan saluran dalam kaedah membayar zakat yang diperkenalkan. Maka persoalannya adalah, bagaimana pola amalan membayar zakat pendapatan melalui pelbagai saluran dan mengapa saluran tersebut menjadi pilihan kakitangan Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)? Untuk menjawab persoalan ini, kajian ini bertujuan untuk menganalisa pola amalan membayar zakat pendapatan dalam kalangan kakitangan KUIPs.

SOROTAN KAJIAN

Zakat merujuk kepada 'untuk meningkatkan' atau 'pertumbuhan' dalam kitaran sosio ekonomi Islam. Zakat adalah tuntutan yang amat penting kerana merupakan di antara rukun Islam. Justeru, zakat itu dilihat sebagai rahmat, pembersihan, pertumbuhan, penghormatan sebagai seorang muslim (Rosele et al., 2017). Ini sebagaimana dalam hadith menyebut iaitu, "Rasulullah SAW telah mewajibkan zakat fitrah, untuk membersihkan orang yang mengerjakan puasa daripada perkataan yang sia-sia dan perkataan yang buruk serta untuk menjadi makanan kepada orang-orang miskin. Oleh sebab itu, sesiapa yang menunaikannya sebelum solat hari raya maka jadilah ia zakat fitrah yang diterima. Sesiapa yang menunaikannya sesudah solat hari raya maka jadilah ia sedekah biasa seperti sedekah sunat yang lain." (Abu Dawud, 2009, no. 1609)

Hadith tersebut memberi gambaran bahawa tujuan utama dianjurkan zakat dalam Islam ialah sebagai 'penyucian' yang boleh ditafsirkan untuk membersihkan jiwa dan harta bagi mendapatkan keredhaan Allah S.W.T dan keberkatan hidup. Menurut Ibn Taimiyah (2005) bahawa jiwa pembayar zakat menjadi lebih baik dan hartanya bersih selain menolak sifat mementingkan diri sendiri dan tamak. Sebutan zakat telah disebut sebanyak 32 kali dalam al-Quran, daripada jumlah tersebut, sebanyak 26 kali menunjukkan isyarat menunaikan zakat itu hukumnya adalah wajib kepada semua umat Islam. Ayat perintah zakat juga disekalikan dengan ayat perintah solat yang memberi makna untuk pembangunan dunia dan akhirat bagi seorang muslim (Othman et al., 2020).

Konsep zakat pendapatan turut dibahaskan oleh al-Qaradawi (1973) dan al-Zuhaili (1985). Al-Qaradawi (1973) berpendapat bahawa zakat pendapatan adalah wajib. Zakat pendapatan pertama kali diperkenalkan pada masa pemerintahan Khalifah Uthman ibn Affan yang mengenakan zakat ke atas harta yang diperoleh oleh tentera Islam. Amalan zakat pendapatan ini diteruskan pada masa pemerintahan Khalifah Muawiyah ibn Abi Sufyan dan Khalifah Umar bin Abdul Aziz serta terus diamalkan secara meluas sehingga ke hari ini terutama di Malaysia.

Terdapat beberapa kajian yang dilakukan mengenai zakat pendapatan dari sudut aspek yang berbeza, iaitu dari sudut kepentingannya, pengetahuan dan juga isu-isu berkaitan dengan pelaksanaannya dan lain-lain. Kefahaman asasnya ialah upah atau gaji secara bulanan adalah ganjaran yang disalurkan kepada pekerja yang juga meliputi ganjaran tambahan seperti elaun atau imbuhan lain adalah hasil dari pekerjaan dan jawatan yang disandang.

Memandangkan pelbagai ganjaran diberi kepada pekerja, maka kemudahan kewangan yang disebut pendapatan yang diperoleh daripada sesuatu pekerjaan seharusnya perlu dibayar zakat. Menurut Bakar dan Rashid (2010), pendapatan daripada sesuatu pekerjaan perlu dikenakan zakat sebagaimana dalam firman Allah SWT yang menyatakan:

“Hai orang-orang yang beriman, beri yang baik-baik yang telah kamu peroleh dan daripada apa-apa yang kami keluarkan untuk kamu dari bumi” (al-Quran. Al-Baqarah, 2:267). Kebajikan umat Islam akan tercapai sekiranya semua umat Islam mengambil bahagian dalam menunaikan kewajipan zakat apabila telah cukup syarat.

Di Malaysia, zakat pendapatan menjadi salah satu sumber zakat yang penting seiring perkembangan pengurusan zakat yang semakin efektif. Kajian mengenai zakat pendapatan dilakukan oleh Mohd Ali Mohd Nor et al. (2004) di mana kajian tersebut memberi tumpuan kepada kesedaran membayar zakat pendapatan di kalangan kakitangan profesional Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Kajian tersebut menunjukkan bahawa faktor keimanan dan pengetahuan mengenai zakat mempunyai hubungan dengan peningkatan pembayaran zakat pendapatan di kalangan kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Selain itu, dalam kajian Shahiszan Haji Ismail et al. (2012) yang mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat di kalangan kakitangan Muslim Universiti Teknologi Mara (UiTM), kajian tersebut menyimpulkan bahawa jumlah pembayar zakat di Malaysia masih rendah berbanding jumlah populasi Muslim yang merupakan 60% daripada 28.3 juta orang di negara ini.

Penunaian Zakat juga dirujuk sebagai kekayaan atau jumlah wang atau harta yang diwajibkan dalam Syariah untuk dibayar kepada asnaf yang layak. Sekiranya aliran pembayaran zakat berlaku dengan cekap, ia boleh menjadi simbol keadilan ekonomi Islam sebagai saluran hasil kekayaan sama rata dan mengurangi kadar kemiskinan. Hal ini disokong dalam kajian Bhari et al., (2019) iaitu pertimbangan zakat kekayaan boleh berlaku perubahan amalan ekonomi dalam memberi manfaat yang lebih besar kepada orang lain bagi menegakkan keadilan.

Hairunnizam Wahid et al. (2007) memberi kesimpulan bahawa kesedaran membayar zakat pendapatan mempunyai faedah sosioekonomi sekiranya kutipan zakat dapat ditingkatkan supaya dapat membantu golongan asnaf yang terdiri daripada fakir dan miskin. Zakat pendapatan ini juga perlu dipertingkatkan tahap kesedaran membayarnya yang akan mempengaruhi motivasi dalaman dan luaran manusia dalam pelbagai aspek kehidupan yang berteraskan Syariah serta manfaat lebih besar kepada orang lain.

Di samping itu, berdasarkan kepada kajian Masnan Suryani (2012) yang menilai kaedah pelaksanaan zakat pendapatan melalui potongan gaji. Antara cadangan dalam kajian ini adalah beberapa penambahbaikan terhadap pembayaran zakat melalui pempotongan gaji agar tidak menyeleweng daripada hukum Islam. Sementara itu, Magda Ismail A. Mohsin et al. (2011) mengesyorkan negara-negara Islam yang lain untuk melaksanakan skim potongan gaji zakat pendapatan seperti yang diamalkan di Malaysia. Konsep ini penting untuk dilaksanakan kerana ia dapat meningkatkan kesedaran di kalangan umat Islam mengenai kewajipan mereka membayar zakat serta dapat meningkatkan kutipan zakat.

Luqman Abdullah et al. (2014) membincangkan masalah undang-undang berkaitan zakat pendapatan yang menimbulkan pertikaian di kalangan sarjana Islam. Manakala dalam kajian oleh Mohd Ali et al., (2015) menunjukkan bahawa masalah zakat

adalah masalah yang paling banyak dibincangkan di kalangan sarjana dan penyelidik Muslim dalam bidang ekonomi Islam. Ini kerana, peningkatan zakat serta ketelusan dalam pembahagiannya sangat penting dalam mengurangkan kadar kemiskinan terutama di kalangan masyarakat Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Metode kajian yang digunapakai dalam kajian ini adalah kajian kualitatif di mana ia melibatkan kajian kepustakaan dalam pengumpulan maklumat bagi memenuhi objektif kajian. Pengumpulan data pembayar zakat pendapatan yang dibayar oleh kakitangan Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) dilakukan melalui data sekunder dan laporan pembayar zakat pendapatan melalui potongan gaji secara bulanan daripada Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs).

Maklumat pembayar zakat melalui potongan gaji bagi kakitangan KUIPs dalam kajian ini adalah daripada bulan Januari sehingga Disember bagi tahun 2019 dan bulan Januari sehingga Ogos bagi tahun 2020. Kajian juga merujuk kepada buku-buku dan artikel-artikel yang membincangkan mengenai zakat pendapatan.

Kajian ini memproses maklumat data yang dikumpul serta menganalisisnya dengan menggunakan pendekatan teknik analisis kandungan. Hasil analisis data akan menunjukkan jumlah pembayar zakat secara pemotongan gaji bulanan di kalangan staf KUIPs di pelbagai peringkat. Keputusan analisis akan diterjemahkan bagi mendapatkan nisbah pembayar zakat, kelebihan atau kekurangan dan trend amalan pembayaran zakat pendapatan di Kolej Universiti Islam Perlis.


DAPATAN KAJIAN

Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) telah mula beroperasi secara sementara di Kompleks Islam Perlis pada 17 Jun 2013 dan telah beroperasi secara rasminya di Blok S1, Kompleks Desa Siswa, Sg. Chuchuh pada 3 Mac 2014. Dana pendidikan melalui pembiayaan institusi dan Baitulmal dikenal pasti sebagai tujuan yang akan memberi kelebihan dan keistimewaan kepada KUIPs berbanding institusi pengajian tinggi yang lain.

Pentadbiran dan pengurusan KUIPs terdiri daripada pejabat Rektor, pejabat timbalan Rektor, pejabat penolong Rektor pembangunan korporat & jaringan Industri, empat buah fakulti iaitu Fakulti Pengajian Islam, Fakulti Muamalat & Kewangan Islam, Fakulti Perniagaan & Sains Pengurusan dan Fakulti Al-Quran & As-Sunnah. Selain itu, Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari, Jabatan Perpustakaan, Jabatan ICT, Jabatan Keselamatan, Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Fasiliti, Pusat Bahasa dan Pengajian Umum, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Pusat Pengurusan Hal Ehwal Pelajar, Pusat Ko-Kurikulum, Pusat Islam, Pusat Hubungan Industri & Alumni, Pusat Kaunseling & kerjaya, Seksyen Promosi, Seksyen Ehwal Antarabangsa, Seksyen Undang-undang, Seksyen Kualiti & Akreditasi.

Secara keseluruhannya, kakitangan KUIPS adalah seramai 160 orang sehingga bulan Ogos 2020. Berdasarkan data yang diperolehi daripada bahagian sumber manusia KUIPs, hanya data yang membayar zakat pendapatan secara potongan gaji sahaja direkodkan. Kajian ini hanya akan melihat dan menilai data senarai kakitangan KUIPS yang membayar zakat pendapatan bagi tahun 2019 sehingga Ogos 2020. Berikut adalah menunjukkan data yang didapati:

Graf 1: Jumlah kakitangan bayar zakat potongan gaji tahun 2019



Sumber Data: Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar KUIPs

Berdasarkan graf di atas menunjukkan jumlah kakitangan KUIPs yang membayar zakat pendapatan melalui saluran skim potongan gaji bulanan. Jumlah keseluruhan adalah sebanyak 19 orang kakitangan yang membayar zakat secara potongan gaji bagi tahun 2019. Namun, berlaku penambahan dan pengurangan kakitangan yang terlibat. Pada bulan Januari dan Februari 2019, masing-masing mencatatkan jumlah seramai 6 orang kakitangan lelaki dan 10 orang kakitangan wanita. Pada bulan Mac berlaku pengurangan sebanyak seorang kakitangan daripada kalangan lelaki dan masih kekal 10 orang kakitangan wanita.

Pada bulan April berlaku pengurangan seorang kakitangan lelaki menjadikan seramai 4 orang dan seorang daripada kakitangan wanita menjadikan jumlah sebanyak 9 orang. Manakala pada bulan Mei berlaku pertambahan seorang kakitangan lelaki dan wanita kekal 9 orang. Pada bulan Jun dan Julai 2019, kekal seramai 6 orang kakitangan lelaki yang membuat potongan gaji untuk membayar zakat pendapatan dan 10 orang kakitangan wanita pada bulan Jun serta bertambah kepada 11 orang pada bulan Julai. Manakala jumlah kakitangan lelaki dan wanita masing-masing seramai 6 orang dan 12 orang pada bulan Ogos dan September. Seterusnya, jumlah bagi kakitangan lelaki masih kekal 6 orang pada bulan Oktober, November dan Disember. Namun berlaku pertambahan seorang kakitangan wanita menjadikan jumlah sebanyak 13 orang bagi ketiga-tiga bulan tersebut.

Graf 2: Jumlah kakitangan bayar zakat potongan gaji tahun 2020




Sumber Data: Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar KUIPs

Berdasarkan graf di atas menunjukkan jumlah kakitangan KUIPs yang membayar zakat pendapatan melalui saluran skim potongan gaji bulanan bagi tahun 2020. Jumlah keseluruhan adalah sebanyak 22 orang kakitangan yang membayar zakat secara potongan gaji bagi tahun 2020 sehingga bulan Ogos. Namun, berlaku penambahan dan pengurangan kakitangan yang terlibat. Pada bulan Januari, Februari dan Mac 2020 masing-masing mencatatkan jumlah seramai 6 orang kakitangan lelaki, manakala 13 orang kakitangan wanita.

Pada bulan April, Mei dan Jun berlaku pertambahan sebanyak seorang kakitangan daripada kalangan kakitangan lelaki, menjadikan jumlah sebanyak 7 orang bagi setiap bulan tersebut. Manakala jumlah kakitangan wanita masih kekal iaitu seramai 13 orang. Namun begitu, pada bulan Julai dan Ogos 2020, berlaku pertambahan seorang kakitangan lelaki yang membuat potongan gaji untuk membayar zakat pendapatan menjadikan jumlah seramai 8 orang. Begitu juga, pertambahan seorang kakitangan wanita pada bulan Ogos menjadikan jumlah sebanyak 14 orang.


Seterusnya, data menunjukkan jumlah kakitangan yang membayar zakat secara potongan gaji bulanan dilihat berdasarkan perjawatan di KUIPs.

Carta 1: Jumlah kakitangan bayar zakat pendapatan mengikut jawatan tahun 2020



Carta di atas menunjukkan jumlah kakitangan KUIPs yang membayar zakat pendapatan melalui potongan gaji berdasarkan jawatan yang sedang berkhidmat di KUIPs sehingga Ogos 2020. Sebanyak 50% melibatkan jawatan pensyarah yang telah membuat potongan gaji iaitu melibatkan 11 orang kakitangan. Manakala 18% terdiri daripada pensyarah kanan iaitu sebanyak 4 orang kakitangan dan 9% pegawai tadbir melibatkan 2 orang kakitangan. Di samping itu, 4.5% adalah terdiri daripada jawatan rektor, pendaftar, penolong pegawai tadbir, ketua perpustakaan dan penolong bendahari dengan jumlah masing-masing seorang kakitangan bagi jawatan tersebut.

Carta 2: Jumlah kakitangan bayar zakat pendapatan mengikut jawatan tahun 2019



Carta di atas menunjukkan jumlah kakitangan KUIPs yang membayar zakat pendapatan melalui potongan gaji berdasarkan jawatan yang sedang berkhidmat di KUIPs bagi tahun 2019. Sebanyak 42% melibatkan jawatan pensyarah yang telah membuat potongan gaji iaitu melibatkan 8 orang kakitangan. Manakala seramai 4 orang kakitangan mencatatkan peratusan 21% bagi jawatan pensyarah kanan dan 2 orang bagi jawatan pegawai tadbir menjadikan peratusan sebanyak 11%. Selain itu, jumlah kakitangan melibatkan jawatan rektor, pendaftar, penolong pegawai tadbir, ketua perpustakaan dan penolong bendahari masing-masing seramai seorang kakitangan mencatatkan peratusan sebanyak 5% bagi setiap jawatan tersebut.

PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, secara keseluruhan jumlah pembayar zakat pendapatan melalui potongan gaji bulanan pada tahun 2020 sehingga bulan Ogos masih rendah berbanding jumlah keseluruhan kakitangan KUIPs yang merupakan 14% daripada 160 orang kakitangan di KUIPs. Melalui sorotan kajian lepas, dapat disimpulkan bahawa saluran atau kaedah potongan gaji bulanan untuk pembayaran zakat adalah satu skim atau kaedah yang baik. Namun, jika dilihat peratusan yang tidak menjangkau 20% daripada keseluruhan jumlah kakitangan KUIPs. Ini menunjukkan bahawa bayaran zakat pendapat di kalangan kakitangan KUIPs adalah masih rendah.

Antara faktor yang boleh dijangkakan adalah kecenderungan kakitangan KUIPs membayar zakat pendapatan dengan memilih saluran-saluran yang lain seperti melalui kaunter zakat bagi semua cawangan, kaunter zakat bergerak (van atau lori), bank (kaunter, perbankan internet, mesin ATM) serta kaunter pejabat pos. Selain itu, saluran alternatif antaranya kaedah pembayaran zakat secara maya (e-zakat pay), kad debit dan kad kredit, kiriman wang, cek Post-dated, Koperasi Angkasa dan lain-lain. Terdapat banyak saluran dan medium boleh menyebabkan para staf lebih cenderung untuk

membayar zakat pendapatan selain daripada medium potongan gaji. Hal ini dimaklumi bahawa pihak kolej universiti hanya berperanan sebagai pihak yang mengumpul dana untuk diberikan kepada majlis agama Islam negeri Perlis yang merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam menjaga dana zakat (Bhari et al., 2019).

Selain itu, faktor yang kedua adalah penyaluran maklumat yang kurang berkaitan skim potongan gaji kepada kakitangan KUIPs yang sedang berkhidmat. Oleh itu, kakitangan kurang pengetahuan mengenai inisiatif untuk membayar zakat pendapatan melalui potongan gaji. Ini kerana, ia adalah satu skim dan saluran yang sangat efektif, mudah dan selamat untuk diaplikasikan oleh kakitangan yang ingin membayar zakat pendapatan. Ini sebagaimana dalam kajian Yusoff et al., (2018) yang mendapati bahawa penyaluran maklumat amat berkesan dalam mempromosikan serta meningkatkan pembayaran zakat pendapatan sebagai alternatif kepada cukai pendapatan.

Di samping itu, faktor yang ketiga adalah kefahaman para kakitangan yang masih berada ditahap yang sederhana. Ini juga adalah antara faktor yang menjadikan peratusan keseluruhan pada tahap yang tidak memberangsangkan. Hal ini disokong sebagaimana dalam kajian yang dilakukan oleh Muhammad et al., 2016, Othman et al., 2018 dan Adibah (2019) mendapati bahawa tahap kefahaman terhadap konsep zakat pendapatan mempunyai kaitan rapat dengan tahap pembayaran zakat pendapatan.

Jika ditinjau hasil daripada dapatan kajian, jumlah kakitangan KUIPs yang membayar zakat pendapatan melalui potongan gaji bulanan pada tahun 2019 adalah sebanyak 19 orang dan berlaku pertambahan pada tahun 2020 sehingga bulan Ogos iaitu seramai 22 orang kakitangan. Melihat jumlah ini, berlaku pertambahan kakitangan yang membuat potongan gaji untuk membayar zakat pendapatan. Ini disebabkan pertambahan kakitangan baharu yang berkhidmat dan dorongan kefahaman berkaitan kewajipan membayar zakat di kalangan kakitangan tersebut.

Manakala dari sudut jumlah kakitangan yang tertinggi berdasarkan jawatan bagi kakitangan yang membayar zakat pendapatan secara potongan gaji adalah jawatan pensyarah iaitu seramai 11 orang pada tahun 2020 mencatatkan sebanyak 50% serta sebanyak 42% melibatkan 8 orang pensyarah bagi tahun 2019. Hal ini boleh dirumuskan bahawa pensyarah merupakan kategori yang telah mencapai tahap perlu membayar cukai pendapatan. Oleh itu, sekiranya pembayaran zakat pendapatan dilakukan, maka kakitangan tersebut dikecualikan atau ditolak daripada jumlah yang perlu bayar cukai pendapatan. Walaubagaimanapun, masih terdapat ramai pensyarah atau kakitangan yang lain belum memilih saluran skim potongan gaji.

Merujuk kepada jumlah kakitangan melibatkan jawatan rektor, pendaftar, ketua perpustakaan dan penolong bendahari, masing-masing seramai seorang kakitangan mencatatkan peratusan sebanyak 5% setiap jawatan tersebut. Jumlah kakitangan bagi jawatan ini memang tetap hanya seorang bagi setiap jawatan tersebut. Oleh itu, ia merupakan satu situasi yang baik dimana semua kakitangan tersebut telah membayar zakat pendapatan masing-masing. Namun begitu, peratusan sebanyak 5% bagi jumlah kakitangan melibatkan penolong pegawai tadbir adalah kurang memberangsangkan berbanding jumlah jawatan tersebut yang ramai di KUIPs.

Oleh yang demikian, beberapa cadangan penambahbaikan perlu diambil bagi meningkatkan kesedaran pembayaran zakat pendapatan di kalangan kakitangan KUIPs yang terdiri daripada setiap jawatan. Ini kerana, kutipan zakat mempunyai faedah sosioekonomi sekiranya kutipan zakat dapat ditingkatkan sekaligus dapat membantu para asnaf terutama golongan fakir dan miskin (Bhari et al., 2019).

Zakat pendapatan ini juga perlu kepada peningkatan tahap kesedaran membayarnya yang akan mempengaruhi motivasi dalaman dan luaran manusia dalam pelbagai aspek kehidupan yang berteraskan syariah serta manfaat lebih besar kepada orang lain demi menjaga kemaslahatan ummah (Muhammad et al., 2017). Seterusnya, pihak pengurusan perlulah membuat hebahan mengenai skim potongan gaji kepada semua kakitangan melalui pelbagai medium seperti *email*, laman sesawan KUIPs, memo kepada setiap jabatan dan pusat dan kesediaan pihak pengurusan untuk membuat

potongan gaji bagi pembayaran zakat. Selain itu, perlu juga diadakan kempen jom membayar zakat di peringkat institusi KUIPs bagi menanam semangat dan kesediaan kakitangan KUIPs untuk menunaikan ibadah zakat yang diwajibkan oleh Syarak.

Impak kajian kepada institusi pengajian KUIPs adalah membolehkan pihak pengurusan meningkatkan mutu pentadbiran sedia ada kepada lebih bersifat menjaga kepentingan umum. Di samping itu, meningkatkan kesedaran dan kesediaan para kakitangan KUIPs untuk membayar zakat.

PENUTUP

Melihat kepada kepentingan zakat pendapatan menjadi lebih penting kerana meningkatkan kemampuan institusi zakat dalam membantu golongan asnaf atau mereka yang berhak menerima zakat. Justeru, peningkatan kesedaran di kalangan umat Islam secara umum dan di kalangan kakitangan KUIPs secara khususnya mengenai kewajipan mereka membayar zakat, maka pemahaman mengenai zakat harus diperkukuhkan.

Amalan membayar zakat pendapatan diaplikasikan oleh kakitangan KUIPs dengan baik melalui pelbagai saluran seperti melalui kaunter zakat bagi semua cawangan, kaunter zakat bergerak (van atau lori), bank (kaunter, perbankan internet, mesin ATM) serta kaunter pejabat pos. Selain itu, saluran alternatif antaranya kaedah pembayaran zakat secara maya (e-zakat pay) dan lain-lain. Namun secara keseluruhan jumlah pembayar zakat pendapatan melalui potongan gaji bulanan pada tahun 2020 sehingga bulan Ogos masih rendah berbanding jumlah keseluruhan kakitangan KUIPs yang merupakan 14% daripada 160 orang kakitangan di KUIPs.

RUJUKAN

- Abu Dawud, Sijistaniyy. 2009. *Sunan Abu Dawud*. Beirut: Dar al-Risalah al-'Ilmiyyah.
- Al-Qaradawiyy, Yusuf. 1973. *Fiqh al-Zakah*. Beirut: Muassasah Al-Risalah.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad. 2005. *Majmu' al-Fatawa*. Sa'udi: Dar al-Wafa'.
- Kamil Md Idris. 2006. *Kesan Persepsi Undang-Undang Dan Penguatkuasaan Zakat Terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji*. (Dalam Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan). Disunting oleh Abdul Ghafar Ismail & Hailani Muji Tahir. Bangi: Penerbit UKM.
- Masnan Suryani. 2012. *Kaedah Pembayaran Zakat Pendapatan Melalui Skim Potongan Gaji Oleh Lembaga Zakat Selangor*. Tesis PhD, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Jurnal

- Adibah Abdul Wahab. 2019. *Satu Analisis Kualitatif Terhadap Faktor Pendorong Pembayaran Zakat Oleh Syarikat*. Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance 1(1): 1-14.
- Al-Zuhayliyy, Wahbah. 1985. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Dimashq: Dar al-Fikr
- Bhari, Azri, Luqman Abdullah, Mohd Asyrof Zaki Yaakob, Mohammad Mahyuddin Khalid, & Mohd Faiz Mohamed Yusof. 2019. *Analisis Literatur Kajian Zakat dan Maqasid Syariah: Analysis of Literature on the Study of Zakat and Maqasid Syariah*. Journal of Fatwa Management and Research, 235-64. doi:10.33102/jfatwa.vol0no0.285.
- Eza Ellany Abdul Lateff & Mohd Rizal Palil. 2011. *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pembayaran Zakat Pendapatan Di Malaysia*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VI, 149.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Noor. 2007. *Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan Di Malaysia*. Islamiyyat, 29(1), 53-70.
- Khalil, Najwa Mohd, Nur Shahirah Azman & Pg Mohd Faezul Fikri Ag Omar. 2019. *Kesediaan Pembayaran Zakat Pendapatan Dalam Kalangan Kakitangan Awam Di Wilayah Persekutuan Labuan: Satu Kajian Empirikal*. Labuan E-Journal Of Muamalat And Society, No. Special Issue: 79-91.

- Luqman Abdullah, W. A. W. Ahmad, & Wan Zulkifli Wan Hasan. 2014. *Zakat On Salary And Wages: The Unsettled Juristic Issues*. International Conference of Global Islamic Studies.
- Magda Ismail A. Mohsin, Ahcene Lahsasna & Ezamshah Ismail. 2011). *Zakah From Salary And EPF: Issues And Challenges*. International Journal of Business and Social Science, 2(1).
- Mohd Ali Mohd Nor, Hairunnizam Wahid, & Nor Ghani Md. Nor. 2004. *Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia*. *Islāmiyyāt*, 26(2).
- Mohd Ali, Zakariah Abd Rashid, Fuadah Johari, & Ab Aziz MR. 2015. *The Effectiveness Of Zakat In Reducing Poverty Incident: An Analysis In Kelantan, Malaysia*. Asian Social Science.
- Muhammad, Fidlizan, Salwa Amirah Awang, Mohd Yahya Mohd Hussin, & Abdul Majid Tahir Mohamed. 2017. *Sorotan Perbezaan Had Kifayah Perbelanjaan Keperluan Asasi Dan Kesannya Dalam Pengiraan Zakat Pendapatan*. *Akademika* 87 (2). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM Press): 89–103. doi:10.17576/akad-2017-8702-07.
- Othman, Yusuf, Mohd Sholeh Sheh Yusuff, & Masri Azrul Nayan. 2020. *The Influence Of Perception Towards Legal And Ethical Obligations On Compliance Behavior Of Income Zakat In Kedah*. International Journal of Advanced Research in Islamic and Humanities, 2(2), 1-6.
- Rosalinda, Mella, Abdullah Abdullah, & Fadli Fadli. 2021. *Pengaruh Pengetahuan Zakat, Pendapatan Dan Kepercayaan Muzakki Terhadap Minat Pelaku UMKM Untuk Membayar Zakat Niaga Di Organisasi Pengelola Zakat Kota Bengkulu*. *Jurnal Akuntansi* 11 (1). UNIB Press: 67–80. doi:10.33369/j.akuntansi.11.1.67-80.
- Rosele, Muhammad Ikhlas, Luqman Abdullah, Mohd Farhan Md. Ariffin, & Mohamad Zaim Ismail. 2017. *Konflik Hukum Zakat Pendapatan: Satu Penilaian*. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society* 11 (2): 13–19.
- Shahiszan Haji Ismail, Jumaelya Jogeran & Abd. Halim Mohd. Noor. 2012. *Determinant Factors Of Paying Zakat On Employment Income By Government Servants In Malaysia*. International Conference On Islamic Economy And Business (pp. 34-47).
- Yusoff, Sofia Hayati, Fauziah Hassan, & Rosninawati Hussin. 2018. *Keberkesanan Media Mempromosikan Zakat Pendapatan Sebagai Alternatif Kepada Cukai Pendapatan*. *AL-'ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* 13 (June): 49–58. <http://abqarijournal.usim.edu.my/index.php/abqari/article/view/56>.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.